

# Tangisan syukur anak nelayan

Oleh ASWANY OMAR 17 September 2024 06:52pm Masa membaca: 4 minit



Wan Nur'alyaa Syaza menangis terharu terima bantuan untuk menyambung pengajian ke USM

PASIR PUTEH - Anak seorang nelayan, Wan Nur'alyaa Syaza Awang, 20, menangis terharu apabila hasratnya untuk menyambung pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM) tercapai selepas menerima bantuan daripada pelbagai pihak.

Wan Nur'alyaa Syaza terpaksa menolak tawaran yang diterima pada 6 September lalu berikutan kedua ibu bapanya tidak mampu menampung yuran pengajian kerana masalah kewangan yang dihadapi.

"Saya tahu pendidikan penting untuk mengubah nasib keluarga ke arah lebih baik," katanya kepada pemberita selepas menerima lawatan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil di kediamannya di Kampung Air Tawar, Cherang Ruku pada Selasa.

Anak bongsu daripada empat beradik itu memperoleh tawaran melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Sastera selepas memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.92 dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).



Muhammad Faiz (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Wan Nur'alyaa Syaza.

Wan Nur'alyaa Syaza mengakui masalahnya untuk melanjutkan pengajian ke USM selesai selepas menerima sumbangan RM1,500 daripada LKIM dan RM500 pemberian Yayasan Nelayan Malaysia (Yanem) untuk melunaskan yuran pendaftaran ke universiti itu sebanyak RM1,900.

Jelasnya lagi, dia pernah menolak tawaran melanjutkan pengajian di peringkat diploma di Universiti Teknologi Mara (UiTM) selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana menjalani pembedahan akibat masalah kesihatan.

Sementara itu, Muhammad Faiz berkata, Yanem membelanjakan sejumlah RM61,600 untuk membantu membiayai yuran kemasukan pelajar tidak berkemampuan ke institusi pengajian awam dari Januari hingga Julai tahun ini.

Tambah beliau, jumlah itu melibatkan 129 penerima yang menyambung pengajian dalam diploma, sijil dan ijazah pertama dari seluruh negara.

Muhammad Faiz memberitahu, bantuan yuran untuk ijazah pertama paling tinggi iaitu RM42,500 manakala diploma dan sijil masing-masing sebanyak RM18,500 dan RM600.

"Setakat ini jumlah bantuan yang diberikan ialah di Sarawak iaitu RM7,500 untuk ijazah pertama dan RM6,000 membabitkan pelajar diploma," katanya.